

Jemaah Menteri akan bincang secara teliti penyelesaian jangka panjang Kertas Kabinet tangani kes lemas

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi telah mengarahkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH) menghasilkan kertas kerja Kabinet bagi menangani kejadian lemas di air sehingga meragut nyawa.



AHMAD ZAHID

Timbalan Perdana Menteri berkata, kertas kerja itu akan dibentangkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot kepada mesyuarat Jemaah Menteri bagi membincangkan isu berkenaan dengan teliti.

"NIOOSH yang dipengerusikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye sebelum ini telah mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas diwujudkan.

"Saya telah meminta supaya NIOOSH menyediakan kertas kerja Kabinet supaya dapat dibentangkan kepada Kabinet.

"Ini supaya penyelesaian berbentuk jangka panjang dapat dicari. Bukan sahaja di pantai



KEJADIAN lemas yang meragut nyawa kerap berlaku di Malaysia sejak kebelakangan ini. - Gambar hiasan

timur tetapi di seluruh negara dan dalam apa juga situasi," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan prapelan-caran Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) ke-16 serta Pameran Antarabangsa Bagi Keselamatan Negara di Asia (Natsec) di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammud-

din Tun Hussein.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kes lemas yang sering berlaku sehingga meragut nyawa banyak mangsa.

Sebelum ini, Lam Thye yang juga anggota Majlis Keselamatan Aktiviti Air Kebangsaan mencadangkan antara lain supaya sebuah jabatan bertaraf penuh dibentuk bagi merancang,



GAMBAR fail menunjukkan anggota bomba membawa naik mangsa lemas di Air Terjun Sungai Sendat, Hulu Yam, Hulu Selangor pada 16 Februari lalu.

menguatkuasakan, menyusun strategi dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan kejadian lemas di air.

Terbaharu, dalam kejadian petang semalam, lima paman-cing mati lemas dibawa arus deras ketika memancing di Sungai Gasi berhampiran Kem Sungai Buloh, Selangor. - Bernama

INFO Kes mati lemas

- **18 Februari 2018** - Lima lelaki ditemui mati lemas selepas bertindak melarikan diri ketika diserbu polis dalam satu operasi di Sungai Muda berdekatan Kampung Padang Bukit, Kuala Ketil, Kedah
- **16 Februari 2018** - Kegembiraan tujuh sahabat berkumpul untuk mandi-manda bertukar tragedi apabila tiga daripada mereka mati lemas dalam satu kejadian di Air Terjun Sungai Sendat, Ulu Yam, Hulu Selangor
- **4 Februari 2018** - Seorang lelaki ditemui mati lemas ketika menajala ikan di kawasan lombong berhampiran ladang temakan madu kelulut di Malim Nawar, Kampar, Perak
- **1 Januari 2018** - Seorang kanak-kanak berumur 12 tahun dan dua rakannya berumur 15 tahun yang keluar menajala di Sungai Pedas, Kampung Merbau 9, Pedas, Rembau, Negeri Sembilan ditemui mati lemas di sungai berkenaan
- **3 Disember 2017** - Seorang lelaki tempatan dijumpai mati lemas dipercayai terjatuh lalu dihanyutkan arus deras di Sungai Nariang, Kota Belud, Sabah
- **26 November 2017** - Mayat lelaki tempatan yang dipercayai lemas ketika menajala ikan ditemui di kawasan semak di Sungai Segalud, Kinabatangan, Sabah
- **17 November 2017** - Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun ditemui mati lemas selepas dipercayai mandi bersama beberapa rakannya di satu kawasan yang dinaiki air akibat limpahan Sungai Padang Terap berhampiran Taman Tabung Haji, Kepala Batas, Kedah

Kertas kerja dijangka siap minggu ini



AYOP

KUALA LUMPUR -Kertas kerja Kabinet bagi menangani tragedi lemas dijangka siap selewat-lewatnya minggu ini, kata Pengarah Eksekutif Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH), Ayop Salleh.

Menurutnya, kertas kerja tersebut merangkumi aspek kesedaran kepada masyarakat dan industri yang terlibat berkaitan persekitaran air.

"Kita akan menyiapkan kertas kerja dan hantar

kepada Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot untuk disemak. Kertas tersebut akan dibentangkan kepada Kabinet minggu depan," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Ayop berkata, menerusi kertas kerja berkenaan, pihaknya merancang memberikan kesedaran tentang keselamatan air dalam kalangan orang ramai bagi membantu mengurangkan kes kematian.

Dua rakan mati lemas di Air Terjun Bekelah, Kuantan



ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat mangsa lemas di Air Terjun Bekelah, Gambang, Kuantan semalam.

KUANTAN - Dua rakan berusia 22 tahun ditemui mati lemas di Air Terjun Bukit Bekelah dekat Gambang di sini pukul 8 pagi semalam.

Sebelum kejadian petang kelmarin, Muhammad Shahfaris Shahri dan Azfan Muhammad yang berasal dari Klang, Selangor terlebih dahulu mandi-manda dan berkelah di lokasi air terjun tersebut bersama 10 rakan mereka.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali berkata, mangsa bersama rakan mereka tiba di lokasi air terjun berkenaan untuk berkelah dan mandi pada kira-kira pukul 2.30 petang kelmarin.

Ujarnya, kehilangan kedua-dua mangsa yang bekerja sendiri hanya disedari rakan-rakan mereka pada pukul 3.15



MUHAMMAD SHAHFARIS



AZFAN MUHAMMAD

petang.

Katanya, satu aduan menerusi talian kecemasan dibuat oleh rakan mangsa sebelum anggota bomba bersama polis dan Angkatan Pertahanan Awam tiba di lokasi kejadian.

"Selepas kira-kira 16 jam operasi mencari dan menyelamat dijalankan, kedua-dua mayat mangsa ditemui di lokasi lemas pada kedalaman 15 meter kira-kira pukul 8 pagi tadi (semalam)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Mohd. Sani Harul berkata, jena-

zah kedua-dua mangsa dibawa keluar dari kawasan air terjun tersebut dengan menggunakan helikopter.

"Sejurus helikopter mendarat di Padang Awam Kemuning, jenazah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan bagi tujuan bedah siasat," kata Mohd. Sani.

Jenazah Muhammad Shahfaris dan Azfan

kemudian dihantar pulang untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pandamaran, Klang.

Info Solat		21 FEBRUARI 2018				
		5 JAMADILAKHIR 1439H				
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISHA
K. LUMPUR	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
SHAH ALAM	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
SEREMBAN	6:07	7:24	1:28	4:45	7:28	8:38
MELAKA	6:07	7:24	1:27	4:44	7:28	8:38
JOHOR BAHRU	6:00	7:17	1:21	4:37	7:22	8:32
IPOH	6:13	7:27	1:32	4:50	7:31	8:41
P. PINANG	6:16	7:31	1:34	4:53	7:33	8:43
ALOR SETAR	6:16	7:32	1:34	4:53	7:32	8:42
KOTA TERENGGANU	6:05	7:22	1:23	4:42	7:22	8:32
KOTA BHARU	6:13	7:26	1:27	4:46	7:25	8:31
KUANTAN	6:04	7:19	1:25	4:42	7:25	8:34
KANGAR	6:17	7:34	1:35	4:53	7:32	8:42
TAWAU	5:06	6:23	1:25	4:42	7:24	8:34
KOTA KINABALU	5:13	6:30	1:31	4:50	7:30	8:40
KUCHING	5:35	6:52	1:55	5:12	7:57	9:07
MIRI	5:21	6:38	1:40	4:58	7:40	8:50

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya